JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN TAWARAN

Sebut Harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di dalam Gred 'G3', Kategori *Civil Engineering* - Pengkhususan CE19 dan CE21 yang masih sah dan berkuatkuasa sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** daripada tarikh tutup Sebut Harga ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN	:	**PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) PAKEJ 3B – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI PASIR KECHIL, KEDAH**
NO. SEBUT HARGA	:	**PETRA/JPP/PAKEJ3B-SMKSPK/KPM/2026-Q25**
JENIS TAWARAN	:	**PENYEBUT HARGA YANG BERDAFTAR DI NEGERI KEDAH SAHAJA**

PENDAFTARAN KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut:

Gred	:	G3
Kategori	:	CE (Kejuruteraan Awam)
Pengkhususan	:	CE19 (Sistem Pembetungan)
		CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)

Setiap syarikat yang berminat hendaklah mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate) (TCC) dengan status PATUH, selaras dengan pekeliling dan ketetapan terkini Kementerian Kewangan Malaysia yang telah dikuatkuasakan. Sijil tersebut hendaklah masih sah pada tarikh mula tawaran Sebut Harga.

Tarikh Mula Tawaran : 19 November 2026 (Khamis)
Tarikh Tutup Tawaran : 03 Disember 2026 (Khamis)
Tempoh Sah Laku : 90 Hari

Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN.** Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dengan membawa Sijil Asal berserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan) semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Hanya **penama di dalam PPK, SPKK atau Kementerian Kewangan** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.

Perihal	Tarikh/Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
Taklimat dan lawatan tapak **PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) PAKEJ 3B – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI PASIR KECHIL, KEDAH**	**25 NOVEMBER 2026 (RABU)** **9.00 PAGI**	**BILIK MESYUARAT PEJABAT OPERASI IWK (IWK UNIT SG. PETANI) (LRK BANDAR PUTERI JAYA, KMA288, 08000 SG. PETANI, KEDAH)**	En. Mohd Yusli Nasrin bin Sani En. Muhammad Afandi bin Fadzilah @ Haris	2

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli selepas selesai taklimat dan lawatan tapak pada **25 November 2026 (Rabu) di Bilik Mesyuarat Pejabat Operasi IWK (IWK Unit Sg. Petani), LRK Bandar Puteri Jaya, KMA288, 08000 Sg. Petani, Kedah. Pembayaran dokumen Sebut Harga secara perbankan atas talian sebanyak RM50.00 hendaklah dibuat dalam bentuk Sistem *I-Payment*.** Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga 2** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 3 Disember 2026 (Khamis).**

PERTANYAAN

Semua pertanyaan tentang urusan Sebut Harga hendaklah dibuat melalui telefon sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat seperti di bawah;

Alamat : Bahagian Perundingan Teknikal
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
Blok B, Aras 2 Dan 3, Suasana PjH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya

Telefon : 03-8861 9000